

# Bursa bukan kasino: PM

BH 30 OCT 1985

Oleh HAFIFI HAFIDZ

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) bukannya sebuah kasino atau tempat perjudi.

Mereka yang menyertainya untuk berurusan niaga mesti melupakan idea untuk kaya cepat, tegas beliau.

Menurut beliau, di bursa seperti itu urusniaga dijalankan bukan dalam ertikata yang sebenar, tetapi berdasarkan sifat yakin dan jujur.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi amaran kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap mereka yang cuba memutar belit dan mempergunakan bursa bagi tujuan tertentu.

Serentak dengan itu Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mempunyai keupayaan mengadakan sebuah bursa yang bebas dan cekap untuk menentukan harga komoditi negara ini bagi pasaran antarabangsa tanpa terhad kepada bursa di Eropah atau Amerika Syarikat.

Berucap di majlis merasmikan premis baru BKKL dan Malaysian Futures Clearing Corporation Sdn Bhd (MFCC) di Kompleks Dayabumi

di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata penyertaan setiap mereka di bursa itu mesti dianggap sebagai pekerjaan yang sungguh-sungguh memerlukan sikap tanggungjawab dan mengikut etika.

Katanya, dalam dagangan hadapan, BKKL kini memasuki era baru dan menyeru pengeluar, penapis dan peniaga menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan.

## Pengeluar

"Kegiatan bursa berhubung rapat dengan keperluan pasaran ekonomi moden hari ini dan bukan tempat bermain atau seperti sebuah kasino. Sesiapa yang menyertainya mesti melupakan idea untuk kaya cepat tetapi diikuti dengan rasa tanggungjawab dan mengikut etika," katanya.

BKKL yang ditubuhkan pada 1980, senyap hampir 20 bulan lalu berikutan berlakunya krisis mungkir janji kontrak pasaran hadapan minyak kelapa sawit, membawa kepada penyusunan semula organisasinya termasuk menubuhkan sebuah pusat penjelasan baru.

Turut hadir di majlis pelancaran itu ialah Menteri Perusahaan Utama Datuk Paul Leong Khee Seong, timbalannya Megat Junid Megat Ayub, pengerusi Majlis Dagangan Komoditi Tun Ismail Mohd Ali dan pengerusi BKKL Tan Sri Lee Boon Chim.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sedar kegiatan urusniaga pasaran hadapan komoditi mempunyai tugas besar kepada pertumbuhan ekonomi negara dan perlunya pembabitan peringkat antarabangsa bagi menjamin ia terus berkesan.

Setakat ini kerajaan menyediakan bantuan kewangan \$2.2 juta bagi urusan perbelanjaan BKKL.

Atas dasar itu tambah beliau, kerajaan tidak sangsi malah membenarkan firma-firma komoditi antarabangsa menjadi ahli BKKL dan mengadakan kefonggaran tertentu termasuk membolehkan mereka memegang ekuiti melebihi 50 peratus.

"Bagaimanapun semuanya boleh berjalan licin jika wujud kejujuran dan keyakinan kerana dalam kegiatan seperti itu, ia adalah modal yang paling utama.

"Tidak guna kita mempunyai pelbagai undang-undang, peraturan dan suruhanjaya atau majlis untuk memastikan semua berjalan baik jika peniaga berterusan ingin menipu," katanya.

Perdana Menteri memberi amaran, mengikut undang-undang baru, putar belit pasaran adalah satu kesalahan jenayah yang boleh didenda dan dipenjara.

Beliau berharap, BKKL dapat menampung kehendak negara-negara anggota di Asean dan yakin bursa itu mempunyai kedudukan yang baik menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat dagangan komoditi terkemuka di dunia.

Beliau menambah, tujuan menubuhkan sebuah bursa komoditi yang moden selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar terbesar beberapa komoditi di du-